

Wabak tersebut serius dan berbahaya, setakat ini

60,000 kes denggi

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD
penarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 4 Mac - Kerajaan menjangkakan lebih 60,000 kes denggi berlaku pada tahun ini sekali gus menyifatkan wabak tersebut sebagai serius dan berbahaya, apatah lagi dengan 36 kematian akibat penyakit tersebut dari 1 Januari sehingga semalam.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, sepanjang Januari hingga semalam, sebanyak 18,165 kes denggi dilaporkan, peningkatan sebanyak 316 peratus berbanding 4,370 kes dalam tempoh yang sama pada 2013.

Katanya, daripada jumlah itu, 64 peratus kes denggi dilaporkan berlaku di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

“Ekoran penyakit denggi yang semakin serius, kerajaan meminta orang ramai bersama-sama membantu menghapuskan kawasan-kawasan pembiakan nyamuk aedes terutama di kawasan kediaman masing-masing.

“Rakyat hendaklah bekerjasama kerana kebanyakan tempat pembiakan nyamuk aedes berada di dalam kediaman seperti di tepi rumah, kebun bunga dan operasi bersepadu Kementerian Kesihatan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak memberi kesan sekiranya mereka tidak membantu,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Ke-67 di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Muhyiddin ketika membaca statistik kes denggi berkata, pada 2013 sebanyak 43,346 kes dilaporkan berbanding 21,900 kes pada 2012 iaitu peningkatan sebanyak 98 peratus.

“Dari jumlah itu sebanyak 92 kematian direkodkan pada 2013 berbanding 35 pada tahun sebelumnya dan kadar itu meningkat sebanyak 163 peratus.

“Pada 2013 juga sebanyak 44,066 kes wabak denggi melibatkan 2,988 tempat dikesan dengan

Maklumat Denggi Terkini



Status kes dan wabak denggi pada 4 Mac 2014, setakat pukul 8 malam.

Negeri	Jumlah Kes	Lokality Wabak semasa
JOHOR	14	1
KEDAH	2	0
KELANTAN	1	59
MELAKA	6	19
N. SEMBILAN	4	0
PAHANG	2	2
PERAK	4	50
PERLIS	0	0
PULAU PINANG	0	7
SABAH	0	1
SARAWAK	1	5
SELANGOR	44	311
TERENGGANU	0	0
WP K. LUMPUR	36	116
WP LABUAN	0	0
WP PUTRAJAYA	3	2

sumber: <http://idengue.remotesensing.gov.my/idengue/index.php>

70 peratus di kawasan bandar di beberapa negeri,” katanya.

Ujar Muhyiddin, Kementerian Kesihatan dan PBT telah melakukan tindakan yang perlu termasuk membuat pengabutan (fogging) bagi membanteras nyamuk aedes.

Bagaimanapun menurut Muhyiddin, usaha itu tidak dapat menyelesaikan masalah tersebut sepenuhnya kerana telur nyamuk aedes boleh bertahan sehingga enam bulan.

“Keadaan akan lebih serius lagi sekiranya tiada usaha untuk membersihkan sisa pepejal, longgokan-longgokan sampah dan takungan air oleh orang ramai sendiri.

“Wabak denggi tidak boleh dipandang ringan dan beberapa langkah perlu diambil bagi mengatasinya selepas mengadakan perbincangan dengan pihak berkaitan,” katanya.

Ujar Muhyiddin, PBT wajar memberi perhatian lebih serius termasuk memberi penjelasan dan penerangan kepada penduduk untuk mendidik mereka membantu menangani penyakit tersebut.



MUHYIDDIN Yassin bersama (dari kanan) Said dan Menteri Kesejahteraan Bandar, PBT Ke-67 di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya.

melibatkan 36 kematian - Muhyiddin

dijangka tahun ini

UM 5/3/14 MS3 *



Menteri Besar Selangor, Tan Sri Khalid Ibrahim; Menteri Besar Perlis, Azlan Man; Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan sebelum Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan jaya, semalam. - BERNAMA